

**TEKS UCAPAN  
PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS HARI KUALITI UTeM 2011**

*18 Mei 2011 (Rabu), 9.00pg, Dewan Besar UTeM*

1

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum wrt wbt**, salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

**(i)SALUTASI**

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr Mohd Nor bin Husain,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg Engr. Prof Dr. Marizan Sulaiman  
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

2

En. Hassan B. Sirun  
Pendaftar

Pegawai-pegawai kanan Universiti

Pengerusi/ Presiden Persatuan UTeMASA, PRAKTIS, KEKUTeM, BAKUTeM serta Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Media massa

Tuan-tuan dan puan-puan seterusnya para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 yang kita raikan pada hari ini

3

## **(ii)KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, marilah bersama-sama kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita sekali lagi berpeluang untuk berkumpul beramai-ramai pada tahun ini dalam suasana yang aman dan sejahtera, serta diberikan kesihatan yang baik untuk terus berbakti pada Universiti dan Negara ini. Saya percaya, setiap dari kita telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyelesaikan tugas sebaik mungkin dah marilah kita mensyukuri nikmat yang diberikan ini. Semoga apa yang ingin saya sampaikan dapat kita bersama renungkan dan dijadikan ikhtibar khususnya dalam menambahbaik prestasi kerja masing-masing.

4

### **(iii) ISI KANDUNGAN**

#### **A. Membangunkan Universiti Teknikal Berfokus**

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

2. Sebagai permulaan kalimah saya pada pagi ini, elok kiranya saya perelaskan akan kepentingan untuk semua warga Universiti mempersiapkan diri dan pemikiran dalam menentukan hala tuju UTeM. Saya sering menyatakan, tidak kira apa juga jawatan yang disandang dalam organisasi ini, ianya seharusnya seiring dengan persekitaran semasa dan keperluan Universiti. Sebagai sebuah Universiti Teknikal, UTeM ditubuhkan dengan konsep yang unik dan berbeza jika dibandingkan dengan IPTA yang lain. Kita harus faham akan

5

senario persaingan di luar sana yang memerlukan posisi UTeM dikekalkan dan dipertingkatkan dalam memenuhi visi dan misi yang telah disasarkan.

3. Setiap warga Universiti perlu tampil dengan imej dan konsep unggul kampus teknikal yang telah mula kita war-warkan kepada masyarakat. Kita semua perlu memahami dan menghayati akan aspek teknikal sebagai suatu ciri yang memaparkan keistimewaan UTeM. Masih banyak gerak kerja dan tindakan yang perlu diambil dalam memenuhi aspirasi ini.
4. Di pihak Pengurusan Tertinggi telah dimaklumkan akan fokus strategik yang perlu dicapai. Pelan Strategik UTeM 2011-2015 yang akan diselaraskan bertujuan mengenalpasti akan sasaran

6

penting yang ingin dicapai dalam tempoh sehingga 3 tahun akan datang. Strategi Universiti perlu diukur, dibahas dan dinilai keberhasilannya. Ia memerlukan input semua 'pasukan' di UTeM agar apa yang direncanakan dapat direalisasikan sepenuhnya.

## **B.Memperkasakan Budaya Kerja Prestasi Tinggi Dan Cemerlang**

Hadirin sekalian,

5. Aspirasi Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah menyatakan hasrat untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara membangun yang berpendapatan tinggi. Malah, tahun ini kita juga mengorak langkah untuk menyahut cabaran tersebut

7

dengan memupuk semangat yang sama melalui tema tahun ini, iaitu " Transformasi Berfokuskan Strategi Mencipta Keunggulan Universiti Teknikal". Ianya merupakan matlamat yang seharusnya dikongsi oleh semua warga UTeM dengan peranan dan fungsi masing-masing. Menjadi tanggungjawab anda semua menterjemahkan matlamat ini. Malah, di sinilah, peri pentingnya kita semua mewujudkan satu budaya kerja prestasi tinggi dan cemerlang.

6. Walau bagaimanapun, apa yang ingin kita capai memerlukan perancangan yang strategik. Mekanisme seperti Program Insan Terbilang (PINTAR), MyCPD merupakan antara kaedah yang perlu diatur bagi menyedarkan warga Universiti akan potensi dan kepakaran mereka. Staf perlu bertindak mengubah dan

mengambil langkah pro-aktif untuk melakukan yang terbaik dalam aspek pengajaran, penyelidikan termasuklah aspek pengurusan pentadbiran. Malah, saya menyokong penuh akan pembangunan modal insan yang melibatkan staf dalam aktiviti kesukanan, berpersatuan dan sebagainya.

7. Bagi para akademik, saya menyeru agar anda semua terus berfungsi dalam meningkatkan kepakaran dengan menimba pengalaman dan hubungan kerjasama dari institusi dalam dan luar negara. Kita harus menyahut seruan KPT dalam mewujudkan keserakanan termasuklah seperti kepakaran dalam rangkaian kerjasama Universiti Teknikal, MTUN. Keluarlah dari kepompong keselesaan dengan menjalin lebih banyak hubungan dengan pakar penulisan, penyelidikan di

9

dalam bidang-bidang masing-masing. Usaha ini mampu merealisasikan kedudukan dan pencapaian Universiti diukur berdasarkan 3R, iaitu *Relevant* (kekal), *Reffered* (dirujuk) dan *Respected* (dihormati).

Hadirin yang dihormati,

8. Sukacita saya menekankan kepada aspek sikap staf Universiti yang mana pada pandangan saya telah banyak berubah. Pada pengamatan saya, semakin ramai yang melihat akan sikap dan profesionalisme bekerja di menara gading sebagai suatu yang menitik beratkan penjagaan moral dan jati diri. Kita semua merupakan cerminan bagi komuniti masyarakat. Justeru sikap dan perbuatan kita menjadi perhatian masyarakat di luar sana.

9. Di samping itu, harus saya pertekankan masih berlaku aspek disiplin seperti lewat hadir ke pejabat, keluar minum dalam keadaan beramai-ramai serta dalam tempoh yang lama, ponteng kerja, curi tulang dan sebagainya seharusnya ditangani dengan bijak. Perkara ini walau pun jauh dari kawalan saya, namun saya mengharapkan agar Ketua Pusat Tanggungjawab perlu melihat perkara ini dengan serius.
10. Selain itu, saya juga berharap agar staf semua memandang serius akan kaedah menyelesaikan kerja-kerja yang memerlukan daya kawalan khususnya untuk menentukan keutamaan tugas. Hal ini bukan sahaja dalam konteks perhubungan dengan agensi luar, sebaliknya PTj dalaman yang bercorak *service provider* seperti Pejabat Hal Ehwal Pelajar,

11

Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Perpustakaan, Pejabat Pembangunan dan Pusat Komputer merupakan antara PTj yang berhubung secara langsung dengan warga kampus. Justeru, perhubungan dan profesionalisme anda semua amat diperlukan dan ianya perlu dilaksanakan dengan baik. Teguran sebegini harus diambil maklum oleh semua PTj supaya tidak menimbulkan masalah berbangkit dari pelanggan.

### **c. Tahniah Kepada Penerima APC**

Hadirin Sekalian,

11. Pekerja yang berprestasi tinggi merupakan harapan dalam memberikan hasil kerja terbaik. Mereka ini seharusnya

12

menepati hasrat stakeholder, membanggakan dan perkhidmatan yang diberikan adalah melepasi jangkauan. Bagi mendepani arus globalisasi dan tuntutan kualiti, kita tidak dapat mengelakkan diri dari diukur pencapaian yang telah dipersembahkan setiap tahun.

12. Saya sering menekankan bahawa pekerjaan yang baik perlu dipuji atau menerima anugerah manakala yang kurang baik perlu ditegur untuk menambahbaikkan hasil kerja tersebut. Saya tidak mengatakan bahawa staf yang tidak naik ke pentas hari ini tidak baik hasil kerjanya. Ini kerana Universiti mempunyai peruntukan yang kecil sebagai saguhati yang harus dipilih berdasarkan keputusan pihak pengurusan.

13

13. Malah, pihak Universiti menekankan untuk terus menghargai staf dengan pelbagai cara. Di samping Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pihak pengurusan juga merencanakan anugerah lain seperti Anugerah Akademik, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Sukan, Anugerah Inovasi dan lain-lain yang dianjurkan dari masa ke semasa.
14. Untuk makluman, pada majlis pagi ini, seramai **142 staf** akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penerima. Semoga anugerah yang diperolehi ini, menjadi perangsang dan motivasi dalam meneruskan tugas hakiki, di samping menjadi pendokong dalam membantu rakan-rakan dalam organisasi untuk turut

14

cemerlang. Kejayaan ini amat besar ertinya, kepada suami, isteri, anak-anak, ibubapa dan semua rakan sekerja anda.

**(iv)PENUTUP**

15. Akhir kata, sebelum saya mengundur diri, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada urus setia yang telah menganjurkan majlis ini dengan jayanya, terutama Tuan Pendaftar UTeM dan jawatankuasa terlibat. Kepada warga Universiti teruskan memupuk semangat bekerja dengan baik, jujur dan berusaha meningkatkan pencapaian masing-masing. Sentiasalah bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah swt.

Sekian, terima kasih.